

## **Memperkasa Keluarga dan Komuniti: Strategi Bersepadu Kerajaan Malaysia ke Arah Kehidupan Norma Baharu**

### ***Empowering Families and Communities: Malaysia's Governmental Integrated Strategy towards New Norm Life***

**Nor 'Adha Ab Hamid<sup>1</sup>, Norziah Othman<sup>2</sup>,  
Nurkaliza Khalid<sup>3</sup>, Nur Zulfah Md Abdul Salam<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup>Universiti Islam Selangor, Malaysia

[1noradha@uis.edu.my](mailto:noradha@uis.edu.my), [2norziah@uis.edu.my](mailto:norziah@uis.edu.my), [3nurkaliza@uis.edu.my](mailto:nurkaliza@uis.edu.my),

[4nurzulfah@uis.edu.my](mailto:nurzulfah@uis.edu.my)

#### **ABSTRAK**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dengan mengumpul data melalui persidangan meja bulat bagi mendapatkan pandangan yang komprehensif daripada enam orang wakil daripada kementerian seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kerjasama pelbagai kementerian adalah perlu kerana memudahkan respons komprehensif yang menangani bukan sahaja kebimbangan kesihatan tetapi juga cabaran ekonomi dan sosial. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai pakej rangsangan dan langkah bantuan untuk menyokong keluarga semasa peralihan kepada fasa endemik. Lima tema iaitu sokongan, pengurusan, keterangkuman digital, kesiapsiagaan serta nilai dan kesedaran yang terhasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia mengambil pendekatan komprehensif dan bersepadu bagi menangani cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19. Norma baharu membawa cabaran tersendiri kepada setiap lapisan masyarakat, dengan kesan negatif dan positif yang dihadapi. Namun, ia juga membuka ruang untuk memperbaiki kualiti kerja, meningkatkan kecekapan dan merangsang kreativiti ketika berdepan masalah. Norma baharu terus mempengaruhi cara individu, masyarakat dan komuniti berfikir, berurusan, beribadat, berinteraksi, menjaga alam sekitar sekaligus bersiap sedia menghadapi sebarang perubahan.

*Kata kunci: COVID-19; Keterangkuman Digital; Norma Baharu; Pandemik.*

#### **ABSTRACT**

*This study uses a fully qualitative approach by collecting data through a round table conference to obtain a comprehensive view from six representatives from*

*ministries such as the Ministry of Health Malaysia, the Ministry of Education Malaysia, the Ministry of Communications and Digital Malaysia, the Ministry of Finance Malaysia and the Ministry of Women, Family and Community Development. Multi-ministerial collaboration is necessary to facilitate a comprehensive response that addresses not only health concerns but also economic and social challenges. The Malaysian government has implemented various stimulus packages and assistance measures to support families during the transition to the endemic phase. The five themes of support, management, digital inclusion, preparedness, value and awareness that emerged from this study show that the Malaysian government is taking a comprehensive and integrated approach to deal with the challenges brought by the COVID-19 pandemic. The new norm brings its own challenges to every layer of society, with both negative and positive effects. However, it also opens up space to improve the quality of work, increase efficiency and stimulate creativity when faced with problems. New norms continue to influence the way individuals, societies and communities think, deal, worship, interact, take care of the environment and prepare to face any change.*

*Keywords: COVID-19, Digital Inclusion, New Norm; Pandemic.*

## **PENGENALAN**

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada akhir tahun 2019 telah membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan di seluruh dunia, termasuk keluarga dan komuniti. Wabak yang pertama kali dikesan di Wuhan, China, ini telah merebak dengan cepat ke seluruh pelosok dunia sehingga menyebabkan jutaan kes kematian dan sekaligus mengganggu kestabilan ekonomi global (Lin, Lin, Hu, Alia & Wong, 2021). Kebanyakan negara termasuk Malaysia terpaksa mengambil langkah-langkah drastik untuk melindungi rakyat mereka daripada ancaman wabak yang dahsyat ini. Perubahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu malah turut menguji ketahanan institusi keluarga dan komuniti ketika berdepan dengan cabaran yang tidak pernah disangka berlaku sebelum ini. Perintah kawalan pergerakan merupakan antara langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan pandemik ini.

Di Malaysia, kes pertama COVID-19 dilaporkan pada Januari 2020. Kerajaan Malaysia dengan segera menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Langkah ini bertujuan menghadkan pergerakan rakyat dan memutuskan rantaian penularan wabak (Gostin, 2022). Walaupun tindakan ini berkesan dalam mengawal wabak, namun ia juga membawa kesan kepada ekonomi dan sosial yang mendalam kepada keluarga dan komuniti (Abdullah, Rahmat, Zawawi, Khamsah & Anuarsham, 2020). Sektor perniagaan terpaksa ditutup menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan dan segala aktiviti sosial terhenti. Keadaan ini telah menguji daya tahan keluarga dalam menjaga kebajikan ahli-ahlinya serta bagaimana komuniti bekerjasama untuk saling membantu. Ini

menimbulkan cabaran besar kepada kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat tetap terjaga walaupun dalam situasi yang sukar ini.

Selain daripada kesan ekonomi, sistem kesihatan negara juga tertekan dengan peningkatan kes yang mendadak (Abdullah et al., 2020). Hospital dan petugas kesihatan bekerja tanpa henti merawat pesakit yang semakin bertambah. Dalam masa yang sama, kerajaan perlu memastikan bekalan perubatan mencukupi dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Komuniti memainkan peranan penting dalam menyokong usaha ini dengan banyak badan bukan kerajaan dan kumpulan komuniti mengambil inisiatif turun ke lapangan membantu mereka yang terjejas, seperti mengadakan kutipan dana dan penyediaan bantuan bekalan makanan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memainkan peranan penting dalam menyelaraskan usaha-usaha ini termasuk pelaksanaan ujian saringan besar-besaran, program vaksinasi dan penyebaran maklumat kesihatan yang tepat kepada rakyat.

Sistem pendidikan turut terjejas teruk akibat pandemik ini. Penutupan sekolah dan institusi pengajian tinggi memaksa peralihan mendadak kepada pembelajaran dalam talian (Corpuz, 2021). Perubahan ini menuntut adaptasi bukan sahaja daripada pelajar dan guru, tetapi juga daripada keluarga yang terpaksa menyesuaikan diri dengan norma baharu pembelajaran di rumah. Pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan norma baharu ini yang mana tidak semua mempunyai akses yang sama kepada teknologi dan internet (Bulut, 2020). Komuniti terlibat dalam menyediakan sokongan kepada keluarga yang kurang bernasib baik dengan menyediakan bantuan komputer termasuk kemudahan capaian atau akses kepada teknologi dan internet khusus buat mereka yang memerlukan. Pandemik ini telah menguji keupayaan kerajaan dalam mengurus krisis dan memastikan kesejahteraan rakyat.

Pandemik COVID-19 telah membawa cabaran yang belum pernah berlaku sebelum ini kepada Malaysia dan seluruh dunia. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas yang komprehensif dan bersepadu daripada pelbagai sektor kerajaan untuk mengawal penularan wabak demi memastikan keberlangsungan sistem kesihatan di samping usaha mengekalkan kestabilan ekonomi agar kesejahteraan sosial terpelihara. Kajian ini juga bertujuan untuk meneroka bagaimana strategi-strategi yang diambil oleh kerajaan Malaysia dapat memperkasa keluarga dan komuniti ke arah kehidupan norma baharu selepas pandemik. Fokus diberikan kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menguruskan kesihatan, pendidikan, komunikasi serta kesan ekonomi dan sosial akibat pandemik dengan penekanan terhadap peranan keluarga dan komuniti dalam memastikan keberhasilan strategi-strategi ini.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak akhir 2019 telah memberi impak yang sangat besar dan meluas terhadap kehidupan manusia di pelbagai peringkat.

Langkah-langkah drastik perlu diambil bagi membendung penularan wabak ini, termasuk perintah berkurung, penutupan sempadan dan pelbagai jenis bentuk sekatan pergerakan. Pandemik ini bukan sahaja membawa implikasi serius terhadap kesihatan awam tetapi juga menggugat kestabilan ekonomi, sosial dan pendidikan.

### **Kesan Terhadap Kesihatan Awam**

Sistem kesihatan di banyak negara, termasuk Malaysia, telah terjejas teruk akibat pandemik ini. Peningkatan mendadak dalam jumlah kes positif COVID-19 telah menyebabkan hospital-hospital penuh sesak dan petugas kesihatan terpaksa bekerja keras tanpa henti untuk menangani situasi ini. Bekalan perubatan yang terhad serta kekurangan peralatan perlindungan diri (PPE) bagi petugas kesihatan menjadi cabaran besar (Zhou, Nguyen, Zhong & Liu, 2020). Keadaan ini memaksa kerajaan untuk meningkatkan usaha dalam pembelian peralatan perubatan, memperluaskan kapasiti hospital dan mempercepat program vaksinasi.

### **Kesan Ekonomi dan Sosial**

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan kemelesetan ekonomi yang ketara. Penutupan premis perniagaan, sekatan perjalanan dan pengurangan aktiviti ekonomi menyebabkan ramai individu terkesan akibat kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan. Industri pelancongan, penerbangan, perhotelan dan perniagaan runcit adalah antara sektor yang paling terjejas (Sengel, 2021). Kerajaan terpaksa memperkenalkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi untuk membantu perniagaan dan individu yang terjejas.

Pandemik ini telah mengubah cara hidup masyarakat secara drastik. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan langkah-langkah penjarakan fizikal mengakibatkan aktiviti sosial dan budaya terhenti (Maikomo, Targema & Obun-Andy, 2021). Ramai individu menghadapi tekanan mental akibat kehilangan pekerjaan, ketidakpastian ekonomi dan keterasingan sosial (Bhattacharjee & Ghosh, 2022). Isu kesihatan mental menjadi lebih menonjol dengan peningkatan kes kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan masyarakat.

### **Kesan terhadap Pendidikan**

Sistem pendidikan turut mengalami perubahan besar akibat pandemik ini. Penutupan sekolah dan institusi pengajian tinggi memaksa peralihan mendadak kepada pembelajaran dalam talian. Walaupun teknologi telah membolehkan proses pembelajaran diteruskan, namun tidak semua pelajar mempunyai akses yang sama kepada peralatan dan sambungan internet. Ini menyebabkan jurang pendidikan semakin melebar terutama dalam kalangan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah. Guru dan pensyarah pula perlu menyesuaikan diri dengan kaedah pengajaran baharu dalam talian yang memerlukan latihan dan sokongan kemahiran yang berterusan (Bulut, 2020).

### **Penyesuaian dan Inovasi**

Di sebalik cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19, terdapat juga inovasi dan penyesuaian positif yang telah berlaku. Banyak perniagaan beralih kepada medium digital untuk terus beroperasi, sementara sektor pendidikan memperkasa penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Sundawa, Logayah, & Hardiyanti, 2021). Perubahan ini memperlihatkan keupayaan masyarakat untuk menyesuaikan diri dan berinovasi dalam menghadapi krisis (Sulistyawati & Bahrani, 2021). Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat perlu diperkukuhkan dalam usaha untuk mengatasi cabaran pandemik ini.

Pandemik COVID-19 telah membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan di seluruh dunia. Krisis ini telah mencetuskan cabaran yang luar biasa di Malaysia lalu memaksa kerajaan untuk mengambil langkah-langkah drastik seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak. Walaupun langkah-langkah ini berkesan dalam mengawal wabak, ia juga memberi kesan ekonomi dan sosial yang mendalam kepada rakyat. Situasi ini memerlukan pendekatan bersepadu dan responsif daripada kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat terjaga. Kajian ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai strategi-strategi kerajaan Malaysia dalam memperkasa keluarga dan komuniti ke arah kehidupan norma baharu selepas pandemik COVID-19.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan dan strategi kerajaan Malaysia melalui pelbagai kementerian dalam menangani kehidupan norma baharu selepas pandemik COVID-19. Objektif kajian ini adalah:

- i. Menenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam mengawal penularan COVID-19 dan menyokong masyarakat dalam fasa endemik.
- ii. Memahami bagaimana kehidupan keluarga dan komuniti berubah dan menyesuaikan diri dengan norma baharu yang diakibatkan oleh pandemik.

### **METODOLOGI**

#### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dengan mengumpul data melalui persidangan meja bulat (*round table discussion*) bagi mendapatkan pandangan yang komprehensif daripada wakil beberapa kementerian seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pemilihan kementerian-kementerian dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada peranan kritikal yang dimainkan dalam menguruskan pelbagai aspek kehidupan rakyat

semasa pandemik COVID-19 dan dalam usaha pemulihan selepas pandemik. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah tunjang utama dalam menguruskan krisis kesihatan yang dibawa oleh pandemik COVID-19. Pandangan daripada kementerian ini adalah penting untuk memahami strategi kesihatan awam yang digunakan dan impaknya terhadap kesejahteraan rakyat.

Pandemik menyebabkan gangguan besar kepada sistem pendidikan dengan penutupan sekolah dan peralihan kepada pembelajaran dalam talian. Oleh itu kajian ini memerlukan pandangan daripada Kementerian Pendidikan untuk memahami cabaran dan langkah-langkah yang diambil demi memastikan pendidikan berterusan dapat disediakan kepada semua pelajar. Semasa pandemik, komunikasi yang jelas dan tepat adalah kunci dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada rakyat mengenai situasi semasa, langkah-langkah kesihatan dan panduan keselamatan. Kementerian ini memainkan peranan penting dalam menguruskan penyebaran maklumat serta memastikan kesedaran dan pematuhan rakyat terhadap peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Kementerian Kewangan bertanggungjawab dalam merangka pelan bantuan ekonomi, menyediakan sokongan kepada sektor-sektor yang terjejas dan memastikan kestabilan ekonomi negara. Oleh itu, pandangan daripada kementerian ini penting bagi memahami strategi ekonomi yang dilaksanakan untuk memulihkan ekonomi negara. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula berperanan dalam menjaga kebajikan golongan yang terjejas, termasuk wanita, kanak-kanak, warga emas dan keluarga berpendapatan rendah. Pandangan daripada kementerian ini penting untuk memahami bagaimana keluarga dan komuniti dibantu untuk mengatasi kesan sosial dan emosi daripada pandemik, serta strategi jangka panjang untuk memperkasa kesejahteraan masyarakat.

Secara keseluruhannya, pemilihan kementerian-kementerian ini bertujuan mendapatkan gambaran yang holistik dan komprehensif mengenai pendekatan kerajaan dalam menangani pelbagai aspek yang terjejas disebabkan oleh pandemik serta meneroka bagaimana keluarga dan komuniti ketika berhadapan dengan cabaran norma baharu.

### **Informan Kajian**

Lima kementerian dengan enam informan terlibat dalam kajian ini. Berikut adalah senarai informan berserta singkatannya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Kementerian dan Label Informan Kajian**

<b>Bil</b>	<b>Nama Kementerian</b>	<b>Label Informan</b>
1	Kementerian Kesihatan Malaysia	KKM1 & KKM2
2	Kementerian Pendidikan Malaysia	KPM
3	Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia	KKD
4	Kementerian Kewangan Malaysia	KEWANGAN
5	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.	KPWKM

**Analisis Data**

Data temubual dianalisis menggunakan teknik pengkodan tematik untuk mengenalpasti tema utama yang muncul daripada temu bual dengan pegawai-pegawai kerajaan ini.

**DAPATAN KAJIAN****Tindakan Kerajaan Malaysia Menghadapi Pandemik**

Setiap kementerian memberikan pandangan mendalam tentang pelbagai strategi bersepadu kerajaan Malaysia dalam menguruskan kehidupan norma baharu semasa fasa pandemik COVID-19, dengan menekankan kerjasama antara kementerian dan kepentingan sokongan menyeluruh kepada keluarga dan komuniti.

**Kementerian Kesihatan Malaysia: Membendung Penularan Wabak**

Penglibatan Kementerian Kesihatan (KKM) dengan kerjasama kementerian lain di Malaysia adalah penting dalam menguruskan wabak COVID-19 dengan berkesan.

*“waktu pandemik tu kita kementerian kesihatan ... cabaran utama ialah nak ajak kementerian-kementerian lain ni.. kita kena bergabung... ini bukan masalah yang kecil...sebab Kementerian Kesihatan alone. tak mampu.. ia benda yang besar.. dah jadi bencana...krisis negara”*

*KKM 1/ RTD1/ Sokongan – Kesihatan [4:44-5.07]*

Kerajaan Malaysia dan pihak berkuasa tempatan berusaha sedaya-upaya menangani isu-isu kesihatan ini melalui pelbagai inisiatif termasuk melaksanakan program vaksinasi yang komprehensif. Pendekatan digital kesihatan menunjukkan bagaimana KKM berusaha mentransformasi sistem kesihatan dengan mengintegrasikan teknologi.

*“dia orang boleh menguruskan sendiri kesihatan dan kita bantu dengan cara kita digital kesihatan.”*

*KKM 1/ RTD1/ Kesiapsiagaan – Kesihatan [1.51.39 - 1.53.21]*

Platform digital untuk mengakses maklumat kesihatan ini memperlihatkan usaha kerajaan untuk memodenkan sistem kesihatan agar lebih mudah diakses dan efisien.

Pemakaian topeng sebagai pelindung diri terutamanya ketika berada dalam tempat yang sesak sudah menjadi amalan biasa kebanyakan daripada kita.

*“Pemakaian pelitup muka ketika tidak sihat/bergejala, kerap mencuci tangan untuk mengelakkan jangkitan penyakit berjangkit.”*

*KKM/ RTD2/ Persekitaran, Nilai dan Kesedaran*

Penggunaan pembersih tangan dan pembasmian kuman secara berkala juga menjadi rutin. Tumpuan yang lebih tinggi pada kebersihan dan perlindungan diri ini penting dalam meminimumkan risiko jangkitan.

### **Kementerian Pendidikan: Menyokong Pembelajaran dalam Norma Baharu**

Kementerian Pendidikan (KPM) pula berkoordinasi dengan KKM untuk melaksanakan protokol keselamatan di sekolah dan memudahkan peralihan kepada pembelajaran dalam talian di rumah.

*“kita menyediakan manual PDPR sebagai panduan kepada guru dan juga memastikan murid mendapat akses pendidikan.”*

*KPM/ RTD1/ Sokongan – Persekitaran [8.40-9.09]*

Kerjasama ini penting untuk meminimumkan gangguan pendidikan sambil melindungi pelajar dan kakitangan daripada risiko jangkitan pandemik ini. Pandemik COVID-19 memberi kesan ketara kepada kesihatan mental yang membawa kepada peningkatan tahap kebimbangan, kemurungan dan tekanan.

*“Kita juga turut menekankan minda sihat murid bila berada di rumah tak jumpa kawan mengganggu emosi murid jadi guru kena tanya perkabaran murid..kena utamakan yang itu dulu”*

*KPM/ RTD1/ Keprihatinan – Komuniti [11:52]*

Peralihan kepada pendidikan dalam talian ini menyebabkan Kementerian Pendidikan menyediakan sumber dan sokongan untuk guru dan pelajar menyesuaikan diri dengan pembelajaran digital.

*“kita telah mengambil langkah.. mengadakan melancarkan tabung cerdas, iaitu inisiatif pemberian peranti digital yang lengkap dengan data kepada 150,000 orang murid B40 di bawah Yayasan Hasanah. 150,000 kepada murid2 B40 untuk menangani masalah keciciran pembelajaran murid.”*

*KPM/ RTD1/ Sokongan – Komuniti [20.48-26.32]*

Keciciran pembelajaran merupakan isu serius yang dihadapi semasa pandemik, terutamanya dalam kalangan pelajar daripada golongan berpendapatan rendah. Inisiatif ini bertujuan memastikan bahawa murid B40 mempunyai akses agar boleh terus terlibat dalam proses pembelajaran, walaupun dalam situasi yang mencabar.

### **Kementerian Komunikasi dan Digital: Menangani Maklumat dan Maklumat Palsu**

Komunikasi yang berkesan adalah kritikal semasa penularan wabak. Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia bekerjasama dengan KKM untuk menyampaikan maklumat tepat berkaitan COVID-19, langkah kesihatan awam dan kempen vaksinasi, membantu memerangi maklumat salah dan memastikan pematuhan orang ramai.

*“kita ada masalah infodemik.. di mana dalam masa pandemik tu kita ada banyak info-info yang fake lah yang kita kena segera stopkan..supaya orang tak makin panik..”*

*KKM2/ RTD1/ Pengurusan – Persekitaran [5:14-6:17]*

Masalah penyebaran maklumat palsu boleh menyebabkan kebimbangan dan panik dalam kalangan masyarakat, yang seterusnya boleh mengganggu usaha kerajaan dalam mengawal penularan wabak.

*“satu jawatankuasa atau agensi jugak. untuk menguruskan berita palsu. kita ada penafian. penafian kena dikeluarkan dalam masa 24 jam. dan ada jawatankuasa antara agensi jawatankuasa stratcom kita di peringkat menteri dan jugak di peringkat antara kementerian well setiap hari kita akan go through isu dan kalau perlu dibawa untuk tindakan perundangan”*

*KKD 2 / RTD1/ Pengurusan – Teknologi Komunikasi [14.48-26.32]*

Pendekatan proaktif diambil oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dalam menguruskan penyebaran berita palsu semasa pandemik COVID-19. KKD telah menubuhkan jawatankuasa atau agensi khusus untuk menangani isu ini, dengan menekankan kepentingan mengeluarkan penafian terhadap maklumat palsu dalam masa 24 jam. Jawatankuasa ini berfungsi melalui kerjasama antara pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan koordinasi yang berkesan di peringkat menteri dan antara kementerian.

### **Kementerian Kewangan: Sokongan Ekonomi untuk Keluarga**

Kerajaan Malaysia melaksanakan pelbagai pakej rangsangan dan langkah bantuan untuk menyokong keluarga semasa peralihan kepada fasa endemik. Ini termasuk bantuan kewangan langsung, pelepasan cukai, subsidi untuk perkhidmatan penting dan insentif untuk perniagaan kecil.

*“had statutori hutang kita usually is only at 55%. so during covid tu kita memang naikkan ke 60%lah so kita boleh lebihkan pinjaman tu tapi kita tak exceed that 60%. ... yang saya nampak itulah yang kita buatlah semasa covid haritu”*

*Kewangan/ RTD1/ Sokongan – Ekonomi [50.51 - 51.58]*

Kerjasama yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dalam membantu masalah ekonomi rakyat melalui pakej rangsangan ekonomi dilihat berupaya

menyokong individu yang terjejas disebabkan oleh penutupan premis perniagaan akibat sekatan pergerakan.

*"memang kita find a way how to increase the economy lah. at that time. tapi yang penting kita nak.. macamana kita nak bantu rakyatlah masa tu." KEWANGAN  
Kewangan/ RTD1/ Sokongan – Ekonomi [51.53- 53.03]*

Langkah sedemikian adalah penting dalam mengekalkan kesejahteraan keluarga dan kestabilan ekonomi. Memperkukuh jaringan keselamatan sosial, seperti faedah pengangguran, skim pencen dan program kebajikan, adalah penting untuk menyokong keluarga yang menghadapi masalah ekonomi.

### **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Kebajikan dan Kesihatan Mental**

*"Semangat kebersamaan untuk mengharungi situasi konflik sangat menyerlah dan semua .. satu suara untuk hadapi cabaran"  
KPWKM/ RTD2/ Sokongan – Komuniti [10.45-10.55]*

Pengasingan sosial, ketidakpastian dan kemasukan berterusan maklumat tentang wabak menyumbang kepada tekanan mental. Sokongan psikologi amat penting sebagai salah satu kaedah membantu menangani masalah ini namun ia memerlukan kesabaran dan strategi.

*"sokongan psikologi..bimbingan dan juga kerja sosial dari pihak yang terlibat tu sangat mencabarlah sebab kita tak pernah handle. "  
KPWKM/ RTD1/ Pengurusan – Persekitaran[9.59-13.35]*

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menegaskan bahawa kementerian ini berusaha memberikan tumpuan kepada pelbagai kumpulan sasaran dengan memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi, khususnya dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

*"Kumpulan sasaran yang pelbagai..range yang yang luas kita sangat memenuhi keperluan asas untuk survival itu program baru yang kita kena buat seperti bakul makanan"  
KPWKM/ RTD1/ Sokongan – Ekonomi (10:58)*

Inisiatif baharu seperti agihan bakul makanan telah dilaksanakan untuk membantu mereka yang memerlukan, menunjukkan komitmen kementerian dalam memastikan kelangsungan hidup golongan terjejas.

*"Coaching golongan rentan/ kurang berkeupayaan/ B40/ golongan mudah terjejas dengan aplikasi yang mungkin akan kerap digunakan Cth: pembaharuan kesan*

*memandu, pembaharuan roadtax/insurans pengangkutan, pembelian barangan di aps dll.”*

*KPWKM/ RTD2/ Pengurusan – Teknologi Komunikasi [12.30-12.32]*

Langkah-langkah ini mencerminkan usaha kerajaan untuk memperkukuh sokongan kepada keluarga dan komuniti dalam situasi yang mencabar serta memastikan tiada yang tercicir dalam mendapatkan bantuan yang diperlukan.

## **PERBINCANGAN**

Pandemik COVID-19 telah menguji daya tahan ekonomi dan sosial di seluruh dunia termasuk Malaysia, di mana kerajaan berperanan penting dalam menyediakan sokongan komprehensif kepada rakyat.

### **Sokongan dan Pengurusan: Pemulihan Ekonomi dan Kesejahteraan Sosial**

Sokongan adalah tema yang amat penting semasa dan selepas pandemik COVID-19, merangkumi pelbagai aspek termasuk sokongan ekonomi, psikologi, dan sosial. Sepanjang pandemik, kerajaan Malaysia telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk menyokong rakyat yang terjejas akibat langkah-langkah kawalan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini termasuk bantuan kewangan melalui pelbagai pakej rangsangan ekonomi, agihan bakul makanan kepada keluarga yang memerlukan, penangguhan bayaran pinjaman dan sebagainya. Di samping itu, sokongan psikologi juga diberikan melalui e-kasih untuk membantu masyarakat mengatasi masalah tekanan mental akibat pandemik. Selepas pandemik, usaha ini diteruskan dengan pelbagai program pemulihan ekonomi dan sosial bagi membantu keluarga dan komuniti kembali pulih agar dapat beradaptasi dengan kehidupan norma baharu.

Pandemik COVID-19 telah menguji keupayaan pengurusan krisis di semua peringkat kerajaan dan masyarakat. Kecekapan pengurusan adalah kritikal dalam memastikan keberkesanan langkah-langkah kawalan wabak serta penyaluran bantuan kepada mereka yang memerlukan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memainkan peranan penting dalam menguruskan aspek kesihatan awam, termasuk pelaksanaan protokol keselamatan, program vaksinasi dan penyediaan fasiliti kesihatan. Kementerian Pendidikan juga perlu menguruskan peralihan kepada pembelajaran dalam talian serta memastikan kesinambungan pendidikan semasa penutupan sekolah. Pengurusan yang cekap ini memerlukan kerjasama antara pelbagai kementerian dan agensi untuk memastikan respons yang komprehensif dan menyeluruh terhadap cabaran yang timbul.

### **Keterangkuman Digital: Norma Baharu dalam Kehidupan Sehari-hari**

Pandemik COVID-19 juga mempercepatkan transformasi digital merentasi pelbagai sektor. Kerja jauh, pendidikan dalam talian dan telekesihatan menjadi arus perdana, disokong oleh kemajuan dalam teknologi komunikasi. Peralihan ini telah membawa

kepada fleksibiliti dan akses yang lebih besar dalam banyak aspek kehidupan (Waewwab, Pan-Ngum, Siri, Bhopdhornangkul & Mahikul, 2022). Media sosial dan platform maya menjadi penting untuk mengekalkan hubungan sosial dan penglibatan komuniti. Platform seperti Zoom, Teams, Google Meet dan banyak lagi menyaksikan penggunaan yang tidak pernah berlaku sebelum ini apabila orang ramai berusaha untuk terus berhubung dengan keluarga, rakan dan rakan sekerja.

Keterangkuman digital menjadi salah satu aspek kritikal semasa pandemik (Sundawa et al., 2021), terutamanya apabila peralihan kepada pembelajaran dan kerja dalam talian kini menjadi norma baharu. Pandemik ini mempercepatkan transformasi digital dalam pelbagai sektor, termasuk pendidikan, perniagaan dan perkhidmatan awam (Sulistyawati & Bahruni, 2021). Kementerian Komunikasi dan Digital memainkan peranan penting dalam memastikan akses internet yang mencukupi dan berkualiti, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Pelbagai inisiatif diperkenalkan untuk meningkatkan literasi digital dan menyediakan peralatan teknologi kepada pelajar dan guru bagi menyokong pembelajaran dalam talian. Selepas pandemik, usaha untuk memperluas akses dan meningkatkan kemahiran digital terus menjadi fokus utama bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati manfaat daripada perkembangan teknologi (Bulut, 2020).

### **Kesiapsiagaan serta Nilai dan Kesedaran: Membangun Ketahanan Komuniti dalam Norma Baharu**

Pandemik COVID-19 telah menggariskan keperluan untuk meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi krisis kesihatan dan bencana lain pada masa hadapan. Kesiapsiagaan melibatkan perancangan yang rapi dan penyediaan sumber yang mencukupi untuk mengatasi situasi kecemasan dengan lebih berkesan. Kementerian Kesihatan Malaysia memperkenalkan pelbagai latihan dan simulasi untuk memperkuatkan kapasiti respon terhadap wabak. Pelaburan dalam infrastruktur kesihatan dan penyelidikan perubatan ditingkatkan untuk memperbaiki kemampuan sistem kesihatan negara. Kesedaran dan latihan mengenai pengurusan bencana dalam kalangan masyarakat juga diperhebatkan untuk memastikan rakyat lebih bersedia dan berdaya tahan dalam menghadapi sebarang krisis pada masa hadapan.

Pandemik ini juga menekankan kepentingan nilai dan kesedaran dalam masyarakat. Kesedaran mengenai langkah-langkah kesihatan awam, seperti penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan menjaga kebersihan diri dititiberatkan untuk mengawal penularan wabak (Emanuel, Osterholm & Gounder, 2022). Kementerian Komunikasi dan Digital bekerjasama dengan KKM untuk menyebarkan maklumat yang tepat dan menggalakkan rakyat Malaysia saling membantu antara satu sama lain ketika menghadapi kesusahan. Kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dan sokongan psikologi juga semakin meningkat dengan lebih banyak program kesedaran dan intervensi diperkenalkan ((Bhattacharjee & Ghosh, 2022; Vyas, 2022) untuk mengatasi stigma terhadap isu kesihatan mental.

Kelima-lima tema iaitu sokongan, pengurusan, keterangkuman digital, kesiapsiagaan serta nilai dan kesedaran ini menunjukkan pendekatan komprehensif dan bersepadu yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam menangani dan menyesuaikan diri dengan cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19.

### **KESIMPULAN**

Pandemik COVID-19 secara asasnya telah mengubah pelbagai aspek kehidupan. Ianya membawa kepada norma baharu kehidupan yang melibatkan perubahan aktiviti dalam masyarakat, amalan keagamaan, kesedaran alam sekitar dan teknologi komunikasi. Perubahan ini menyerlahkan keupayaan dan kebolehsesuaian individu, masyarakat dan hubungan komuniti secara global. Norma baharu dihadapi dengan cabaran tersendiri oleh setiap pihak dalam masyarakat yang melibatkan sisi negatif dan positif, namun turut menyediakan peluang untuk meningkatkan kualiti kerja, kecekapan dan kreativiti dalam mendepani segala keadaan. Norma baharu terus mempengaruhi cara individu, masyarakat dan komuniti berfikir, berurusan, beribadat, berinteraksi, bertanggungjawab dengan alam sekitar dan bersedia untuk berdepan dengan sebarang perubahan.

### **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai penyedia dana geran penyelidikan melalui FRGS 2022-1 KPT (Kod Projek: FRGS/1/2022/SS10/KUIS/03/1) yang membolehkan penulis menjalankan penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- Abdullah, N. A. A., Rahmat, N. H., Zawawi, F. Z., Khamsah, M. A. N., & Anuarsham, A. H. (2020). Coping with post covid-19: Can work from home be a new norm?. *European Journal of Social Sciences Studies*, 5(6).
- Bulut, M. (2020). Effects of new normal life on electricity consumption in covid-19 process. *Journal of Science, Technology and Engineering Research*, 1(1), 4-6.
- Bhattacharjee, A., & Ghosh, T. (2022). COVID-19 pandemic and stress: coping with the new normal. *Journal of Prevention and Health Promotion*, 3(1), 30-52.
- Corpuz, J. C. G. (2021). Adapting to the culture of 'new normal': an emerging response to COVID-19. *Journal of Public Health*, 43(2), e344-e345.
- Emanuel, E. J., Osterholm, M., & Gounder, C. R. (2022). A national strategy for the "new normal" of life with COVID. *Jama*, 327(3), 211-212.
- Gostin, L. O. (2022). Life after the COVID-19 pandemic. *In JAMA Health Forum* (Vol. 3, No. 2, pp. e220323-e220323). American Medical Association.
- Lin, X., Lin, Y., Hu, Z., Alias, H., & Wong, L. P. (2021). Practice of new normal lifestyles, economic and social disruption, and level of happiness among

- general public in China in the post-COVID-19 era. *Risk Management and Healthcare Policy*, 3383-3393.
- Maikomo, J. M., Targema, T. S., & Obun-Andy, M. K. (2021). COVID-19 and the new normal in developing societies: An appraisal of Nigerians' adaptation to digital life in public and private spheres. *Journal of Developing Societies*, 37(3), 246-274.
- Şengel, Ü. (2021). COVID-19 and "New Normal" tourism: Reconstructing tourism. *Revista Turismo & Desenvolvimento (RT&D)/Journal of Tourism & Development*, (35).
- Sulistyawati, U. S., & Bahrani, B. (2021). The Role of Information Technology on Employee Performance in Universities at New Normal Life Order After Covid-19 Pandemic. *International Journal of Social Science and Business*, 5(2), 185-192.
- Sundawa, D., Logayah, D. S., & Hardiyanti, R. A. (2021). New normal in the era of pandemic Covid-19 in forming responsibility social life and culture of Indonesian society. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 747, No. 1, p. 012068). IOP Publishing.
- Vyas, L. (2022). "New normal" at work in a post-COVID world: work-life balance and labor markets. *Policy and Society*, 41(1), 155-167.
- Waewwab, P., Pan-Ngum, W., Siri, S., Bhopdhornangkul, B., & Mahikul, W. (2022). Knowledge, attitudes, and practices regarding "new normal" guidelines and quality of life among Thai people during the COVID-19 outbreak: An online cross-sectional survey. *Frontiers in public health*, 10, 914417.
- Zhou, T., Nguyen, T. V. T., Zhong, J., & Liu, J. (2020). A COVID-19 descriptive study of life after lockdown in Wuhan, China. *Royal Society open science*, 7(9), 200705.